



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**MAJLIS PENYERAHAN FASILITI AWAM PULAU AMAN - INISIATIF
KAMPUNG ANGKAT MADANI JPA**

PULAU AMAN, PULAU PINANG, 6 Oktober 2024 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), yang diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), telah menyerahkan kunci Dewan Serbaguna Pulau Aman kepada penduduk sebagai simbolik kejayaan salah satu projek pembangunan yang telah siap.

Antara projek lain yang telah dilaksanakan termasuk **membaik pulih tandas awam, membaik pulih gelanggang permainan, menaik taraf pusat pengumpulan sampah, menaik taraf jeti, membaik pulih longkang, pemasangan lampu jalan dan menaik taraf dewan serbaguna**. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi penduduk, khususnya dalam sektor pelancongan.

Di samping projek fizikal, JPA juga memberi perhatian kepada **aspek bukan fizikal yang tertumpu kepada dua skop iaitu keceriaan kampung dan perkhidmatan sosial dan insaniah**. Bagi skop keceriaan kampung, penambahbaikan infrastruktur, pengindahan taman permainan kanak-kanak, serta lukisan mural di Sekolah Kebangsaan Pulau Aman telah dilaksanakan. Kerja-kerja mengecat Masjid Ar-Rahman dan pembersihan pesisir pantai juga turut diadakan.

Bagi perkhidmatan sosial dan insaniah pula, sesi ramah mesra bersama pesara dan pelbagai kursus seperti pendigitalan pendidikan, penggunaan Microsoft Office dan Canva, serta kursus pembangunan modal insan seperti Pengurusan Inap Desa dan kursus bahasa telah dianjurkan oleh Kampus INTAN Wilayah Utara.

JPA berkeyakinan bahawa pemodenan berserta peningkatan ilmu akan membantu penduduk menyesuaikan diri dengan peredaran zaman dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Sebagai langkah awal untuk membangunkan Pulau Aman sebagai hub pelancongan, JPA dengan kerjasama strategik Jabatan Perikanan (DOF), Komuniti Perikanan Pulau Aman (MyKP), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) pada hari ini juga turut menganjurkan **Pertandingan Memancing MyKP (Komuniti Perikanan) Pulau Aman 2024**. Seramai 150 orang peserta telah mendaftar dalam kalangan pemancing tempatan khususnya di Zon Utara, dengan hadiah tawaran RM2,000 kepada pemenang pertama, RM1,500 pemenang kedua dan RM1,000 untuk pemenang ketiga.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 6 Oktober 2024
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (79)